

UTHM tunggu kebenaran guna Lapangan Terbang Tanjung Labuh

UTUSAN

31/11/2014

tinggi (IPT) di Malaysia.

"Kami menyasarkan sebelum 2020, lapangan terbang itu akan kembali beroperasi untuk menerbangkan pesawat melalui program latihan pererbangan profesional bersama-sama MAS kepada para pelajar," katanya selepas menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama-sama MAS di sini hari ini.

MoU itu ditandatangani oleh Pengarah Operasi MAS, Kapten Izham Ismail sambil disaksikan Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh yang dalam rangka lawatan kerja ke universiti itu di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Mohd. Noh berkata, UTHM dengan bantuan pihak MAS kini membentuk satu pasukan khas yang bertanggungjawab meneliti proses bagi mendapat keizinan menggunakan landasan sepanjang kira-kira 1,000 meter itu.

BATU PAHAT 2 Nov. - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berharap kerajaan mengizinkan penggunaan Lapangan Terbang Tanjung Labuh di sini, dalam usaha melahirkan juruterbang lepasan universiti itu serta agenda mengukuhkan kerjasama dengan Malaysia Airlines (MAS).

Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin berkata, lapangan terbang itu berpotensi digunakan Jabatan Kejuruteraan Aeronautik, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan UTHM dalam melahirkan pakar penyelenggaran pesawat serta juruterbang yang diiktiraf dalam pasaran.

"Kerajaan kini sedang mempertimbang permohonan tersebut. Pihak universiti yakin kerajaan akan memberi sokongan terhadap usaha itu kerana ini yang pertama pernah dilakukan intitusi pengajian